

Lama terpisah, petugas rumah orang tua rindu keluarga

KUALALUMPUR:Hampir tiga bulan terpisah daripada keluarga kerana terpaksa menjaga dan mengurus warga emas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat petugas di pusat jagaan warga tua yang tidak lagi dapat menyembunyikan perasaan rindu terhadap keluarga masing-masing.

Sebagai langkah mengekang penularan COVID-19 di pusat jagaan orang tua, seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom, kerajaan dan industri menetapkan garis panduan antaranya petugas perlu tinggal di pusat berkenaan atau di fasiliti yang disediakan.

Tiada pelawat dibenarkan selain petugas perlu menjalani ujian saringan, menggunakan peralatan perlindungan asas seperti pelitup muka dan sarung tangan kerana penjagaan warga emas amat memerlukan kontak rapat.

Terdapat petugas yang mula berasa tertekan dan murung berikutan tidak dapat bertemu ahli keluarga mereka untuk satu tempoh yang tidak dapat ditentukan lagi.

"Saya selalunya pulang ke rumah setiap minggu. Kini secara tiba-tiba disebabkan PKP, saya tidak dapat pulang, saya berasa tertekan kerana perlu tinggal di sini dan bekerja," kata Parimala Devi, yang berasal dari Port Dickson.

Sebagai seorang ahli terapi di cawangan 'The Mansion', Jalan Gasing dekat sini, beliau turut memberikan rawatan fisioterapi dan urutan perubatan kepada pesakit.

Parimala berkata beliau berharap perintah kawalan pergerakan ini berakhir dalam tempoh terdekat dan walaupun sering berhubung dengan keluarga menerusi panggilan video, ia tidak dapat menghilangkan kerinduan terhadap mereka.

"Saya betul-betul mahu bercuti panjang (selepas ini). Jadi saya mahu balik ke rumah, duduk di sana dan kemudiannya kembali bekerja," katanya dengan penuh harapan.

Sementara itu, Amy, tukang masak warga Indonesia di pusat jagaan orang tua di Solace Care, Taman OUG yang telah dua tahun tidak pulang ke kampung bercajangan untuk bertemu bapanya yang uzur tahun ini.

"Sebelum ini, beliau sihat sahaja. Tetapi sekarang ini dia selalu sakit. Jika saya di sini, saya tidak dapat menjaganya," katanya sambil menahan sebak.

Ramai dalam kalangan mereka yang ditemui Bernama menyatakan perkara sama. Mereka bersetuju dengan pelaksanaan PKP tetapi tidak bersedia untuk berpisah dengan keluarga

sehingga setahun.

"Mungkin paling lama enam bulan," kata Doreena Gandik seorang paramedik di Solace Care.

Doreena seperti yang lainnya berharap agar pandemik ini dapat dikekang dan sekatan ke atas pusat jagaan orang tua dilonggarkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) baru-baru ini mengumumkan peningkatan kes dalam kalangan kakitangan dan penghuni di 15 pusat jagaan orang tua kepada 23 kes dalam tempoh tiga hari, berbanding 18 kes sebelum itu.

Schubungan itu, beberapa pengurusan pusat jagaan orang tua mengumumkan untuk mengetatkan peraturan dan sebahagiannya menyelaraskan sekatan dengan hanya membenarkan penyedia perkhidmatan penting sahaja untuk memasuki fasiliti itu, manakala kakitangan tidak dibenarkan pulang ke rumah.

Ketua Pegawai Pemasaran Care Concierge yang menguruskan The Mansion, Anna Chew berkata, pihaknya sentiasa memantau keadaan kesihatan mental petugas bagi memastikan tiada yang gagal mengawal perasaan akibat tekanan.

"Kami percaya keperluan kesihatan mental yang baik. Kami juga tidak mahu mereka berpisah daripada keluarga masing-masing dalam tempoh lama," katanya yang turut menyediakan khidmat kaunseling secara dalam talian kepada petugas.

Pengasas Solace Care, Sunny Manocha pula memberitahu Bernama, sebagai menghargai pekerjaannya, mereka telah diberikan kenaikan gaji.

Sementara itu, ahli epidemiologi dan anggota pasukan petugas COVID-19 Selangor Datuk Dr Christopher Lee berkata langkah menetapkan petugas tinggal di tempat mereka bekerja adalah tindakan yang baik bagi mencegah jangkitan tetapi ia tidak boleh dilakukan untuk tempoh lama.

"Mungkin boleh dilaksanakan terhadap pekerja asing. Apa yang penting adalah meningkatkan kawalan jangkitan dalam kalangan petugas, di pusat-pusat jagaan," katanya.

Perkara itu dipersetujui oleh Pegawai Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM), Cha Sen Tying.

"Cara terbaik ialah adakan saringan yang kerap, mungkin setiap dua minggu. Atau sebulan sekali," katanya.

"Jika pusat jagaan kerap disaring, kakitangan boleh pulang, dan jika mereka jatuh sakit, kita boleh asingkan mereka dan elakkan penularan pada peringkat awal," katanya.

— Bernama